

Tajuk : Pelajar Unimas Diberi Penerangan Pembikinan Filem 'Vikingdom'.

Pelajar Unimas diberi penerangan pembikinan filem 'Vikingdom'

KOTA SAMARAHAN, Sabtu — Sebuah filem bertaraf antarabangsa terbitan Syarikat Kumpulan KRU (KRU Production) berjudul 'Vikingdom' mengetengahkan lokasi di Malaysia sebagai latar belakang

pembikinan filem itu yang akan ditayangkan pada 12 September 2013.

Pengarah, Yusri Abdul Halim berkata, filem 'Vikingdom' adalah sebuah filem aksi dan fantasi yang membawakan kehidupan penduduk di Utara England pada tahun 1960-an.

"Filem ini bukan filem sejarah tetapi berkonsepkan fantasi dan aksi. Kos pembikinan filem ini adalah yang tertinggi dalam sejarah industri filem Malaysia iaitu melebihi RM20 juta dan akan ditayangkan di Amerika Syarikat pada 4 Oktober 2013 oleh pengedar filem dari Epic Pictures Releasing. Lokasi klimaks filem ini yang banyak aksi ialah di Puncak Alam dan beberapa tempat lain di sekitar Shah Alam," katanya.

Beliau berkata demikian pada forum pembikinan filem 'Vikingdom' di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK) Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di sini, hari ini.

Yusri menjelaskan, meskipun pelakon-pelakon filem ini dari Hollywood namun tenaga produksi di sebalik lensa kamera merupakan rakyat Malaysia sekali gus menaikkan nama anak tempatan di industri filem global.

"Selain itu, 'Vikingdom' adalah sebuah filem berskala besar apabila pro produksi mengambil masa selama enam bulan untuk dijalankan manakala penggambaran selama dua bulan. Bagi sesi pasca produksi, pihak kami mengambil masa 16 bulan dalam menyiapkan teknik pembikinan filem ini yang mempunyai persamaan dengan filem '300'.

"Teknik CGI digunakan bagi menghidupkan suasana 'surreal' bagi filem aksi ini dan penggambaran turut dilakukan di studio pentas," jelasnya.

Katanya lagi, pihak Universal Pictures pula akan mengedarkan filem ini bagi United Kingdom, the Nordics, Australia, New Zealand dan 80 buah negara lain.

Mengulas sedikit filem ini, penggembiraan Eirick yang merupakan watak utama bermula dengan pencarian 'Horn of Odin' serta ditemani oleh teman



PENERANGAN ... Yusri Abdul Halim memberi penerangan kepada pelajar FSGK pada forum pembikinan filem 'Vikingdom' di Unimas di Kota Samarahan, semalam.

baiknya, Sven dan Yang kemudiannya menentang angkatan tentera pemimpin Thor (dewa langit).

Sementara itu, Dekan FSGK, Profesor Madya Dr. Hasnizam Abdul Wahid berkata, forum tersebut adalah titik permulaan kepada para penuntut belajar dan mengetahui teknik pembikinan filem yang berkualiti.

Hadir sama, Penerbit Eksekutif, Norman Abdul Halim, Reka Bentuk Produksi, Tommy Mansur dan wakil dari Filem Nasional Malaysia (Finas) cawangan Sarawak.